

Kerajaan sangkal dakwaan MPEN bukan forum politik

Bahan asal dari Arkib
Negara Malaysia

MELAKA, Rabu — Timbalan Perdana Menteri, Encik Ghafar Baba menolak dakwaan sesetengah pihak yang mengatakan kononnya Majlis Perundingan Ekonomi Negara (MPEN), yang ditubuhkan oleh kerajaan bagi merangka dasar ekonomi negara selepas 1990 adalah sebuah forum politik.

Beliau berkata penubuhan MPEN tidak bermakna orang ramai tidak boleh membincangkan soal ekonomi negara selepas 1990 kerana mereka yang tidak menganggotai majlis itu masih boleh menyalurkan pendapat mereka melalui persatuan atau pertubuhan masing-masing.

Katanya, Pergerakan Pemuda Umno juga boleh mengadakan kongres ekonominya dan menyerahkan rumusan yang dicapai kepada 10 wakil Umno dalam majlis itu.

"Itu tidak menjadi kesalahan. Orang perseorangan juga boleh menghantar memorandum tetapi terulanglah kepa-

da majlis itu sama ada untuk menerimanya," kata Encik Ghafar selepas menemui ahli Umno Cawangan Taman Merlimau Baru, dekat sini, malam tadi.

"Apa yang kita mahu ialah persetujuan semua pihak dan kita tidak mahu memperkecil-kecilkan pembangkang dalam soal ini. Jika mereka mempunyai cadangan bernas, majlis itu akan menerimanya."

Timbang

"Terpulanglah jika ia hendak menjadi sebuah forum politik atau forum ekonomi...lagipun pembangkang juga yang mahukan kerajaan menubuhkan suruhanjaya bagi meninjau perkara itu dan kita telah berbuat demikian dengan menubuhkan MPEN yang dianggotai oleh semua lapisan masyarakat," kata Timbalan Perdana Menteri.

MPEN, yang mempunyai seramai 150 anggota, dipengerusikan oleh be-

kas Menteri Luar, Tan Sri Ghazali Shafie.

Encik Ghafar juga berkata, kerajaan sedang menimbang mengenai satu dasar untuk menambah pelajaran agama Islam di sekolah-sekolah.

Katanya, rancangan mengadakan kelas-kelas membaca al-Quran telah diputuskan dalam Mesyuarat Jawatankuasa Kemajuan Hal Ehwal Agama Islam baru-baru ini yang bertujuan memperkukuhkan lagi perkembangan agama Islam di negeri-negeri.

Menurutnya, kelas-kelas al-Quran itu akan diselitkan dengan pelajaran agama Islam.

Kerajaan Pusat baru-baru ini memperuntukkan \$20 juta setahun bagi tujuan itu di mana kelas-kelas al-Quran akan diadakan di kampung-kampung dengan kerjasama kerajaan-kerajaan negeri. — Bernama.